



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "PERISTIWA BERSEJARAH 17 RAMADAN"

30 April 2021 / 18 Ramadan 1442

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ<sup>1</sup> نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَآصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَانٌ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يِ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قالَ اللَّهُ تَعَالَى:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهَدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلَيَصُمِّمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعَدَّهُ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَى يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلَتُكَمِّلُوا الْعِدَّةَ وَلَا تَكَبِّرُوا أَلَّهَ عَلَى مَا هَدَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

(Surah Al-Baqarah ayat 185)<sup>4</sup>

Maksudnya: Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan, hendaklah ia berpuasa dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka gantilah sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan cukupkanlah bilangan puasa dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk Nya dan mudah-mudahan kamu bersyukur.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran



## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan yang sangat mulia ini, mudah-mudahan kita mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bersempena sambutan Nuzul Quran, pada 17 Ramadan semalam, khatib akan membicarakan khutbah bertajuk “**Peristiwa Bersejarah 17 Ramadan**”.

Ayat 185 Surah Al-Baqarah memerihalkan sejarah penurunan Al-Quran, berlaku melalui dua peringkat. Peringkat pertama, pada 17 Ramadhan, tahun ke-41 daripada keputeraan Nabi SAW; Al-Quran telah diturunkan sekali gus 30 juzuk, daripada Luh Mahfuz ke Baitul Izzah di langit dunia; peringkat kedua, diturunkan kepada Nabi SAW, bermula ketika Baginda beribadat di Gua Hira’, diturunkan secara beransur-ansur mengikut suasana dan keperluan, mengambil masa 23 tahun.

Matlamat utama Al-Quran diturunkan ialah sebagai petunjuk kepada manusia. Allah menghubungkan kisah penurunan Al-Quran ini dengan ibadah berpuasa. Allah menekankan mengenai prinsip utama syariat yang menghendaki kemudahan kepada manusia bahkan Allah tidak menghendaki kesukaran kepada manusia, digambarkan dengan membolehkan manusia yang menghadapi masalah seperti ditimpa sakit ataupun kesukaran bermusafir, menggantikan puasa mereka pada hari lain. Manusia sewajarnya berusaha memudahkan dan berusaha menggembirakan sesama manusia, dan jangan sekali-kali menyusahkan sesiapa.

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

17 Ramadan turut mencatatkan satu lagi sejarah. Pada 17 Ramadan tahun kedua Hijrah, berlakunya Perang Badar, pertempuran berskala besar yang pertama, antara pihak Islam Madinah dengan pihak Quraisy Mekah. Dengan penentuan ILAHI, tentera Islam dengan bilangan 313 orang berjaya menewaskan tentera Quraisy berjumlah seribu orang, malah berjaya membunuh beberapa orang ketua Quraisy termasuk salah seorang musuh utama Rasulullah SAW, Amru ibnu Hisham yang lebih dikenali dengan nama Abu Jahal.

17 Ramadan merupakan tarikh sangat bersejarah dalam takwim Islam, berlakunya peristiwa berbentuk ghaib, iaitu penurunan Al-Quran, dan peristiwa kemenangan umat Islam secara zahir melalui Perang Badar. Al-Quran diturunkan untuk membina takwa yang mengukuhkan kekuatan dalaman ummah, sementara kemenangan dalam Perang Badar diperoleh melalui hasil daripada takwa yang berjaya dibina.



Kemenangan umat Islam dalam Perang Badar memberi isyarat kepada suku lain bahawa kuasa baru telah bangkit di Semenanjung Arab, juga meningkatkan pengaruh Nabi SAW sebagai ketua masyarakat Madinah. Kemenangan di Badar telah mendorong lebih ramai suku Arab tempatan memeluk Islam dan semakin ramai memilih mahu berpakaat dengan umat Islam Madinah. Sesungguhnya Perang Badar berperanan sebagai pemangkin kepada perkembangan Islam secara lebih pesat.

Umat Islam wajib mengambil pengajaran daripada dua peristiwa penting 17 Ramadan untuk menjaga iman dan takwa jika mahu mencapai kejayaan. Apabila iman dan takwa mula longgar, kekuatan yang dimiliki akan bertukar menjadi lemah dan menjadi penyebab kepada ketewasan.

Pada tahun ketiga Hijrah, sembilan bulan selepas kemenangan umat Islam di Badar, berlaku Perang Uhud. Kesilapan yang dilakukan oleh tentera Islam dalam Perang Uhud, hendaklah dijadikan pengajaran. Tentera Islam yang pada perkiraan awalnya mempunyai kekuatan seribu orang, hanya tinggal tujuh ratus orang, kerana semasa perjalanan ke medan Uhud, seramai tiga ratus orang berpatah balik ke Madinah setelah dihasut oleh Abdullah bin Ubai, ketua puak munafik.

Tentera Islam memperoleh kejayaan awal menggoyahkan tentera Quraisy. Malangnya, kemenangan awal telah mendorong sebahagian besar pasukan pemanah ingkar kepada perintah Rasulullah SAW; mereka turun meninggalkan Bukit Uhud untuk berebut-rebut mengambil harta rampasan perang. Sebaik melihat tentera pemanah Islam meninggalkan tempat strategik di Bukit Uhud, Khalid bin al-Walid, ketua tentera berkuda Quraisy, bertindak balas mengelilingi bukit, melakukan serang hendap dan mengepung tentera Islam. Tentera Islam menjadi kucar kacir dan ramai yang terkorban, membolehkan Abu Sufyan mengisyiharkan kemenangan pihak Quraisy.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pada umumnya, ramai pihak terlalu riak atau terlalu gerun dengan kekuatan yang diasaskan kepada jumlah, sedangkan tanpa pertolongan Allah, kekuatan yang berasaskan jumlah tidak membawa sebarang erti. Semasa Peperangan Hunain pada tahun kelapan Hijrah, seramai 10,000 orang tentera Islam memerangi dua puak kecil penentang Islam; kerana bilangan yang ramai, tentera Islam berasa bongkak dan takbur, lalu Allah menguji tentera Islam dengan tipu helah musuh sehingga berlaku kacau bilau dan ramai tentera Islam melarikan diri,



terpaksa berundur dan mengatur semula strategi, sebelum Allah mengurniakan kemenangan. Allah mencela sifat bongkak dan takbur tentera Islam semasa Perang Hunain:

**لَقَدْ نَصَرَ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذَا أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُفْعِنْ**

**عَنْكُمْ شَيْئاً وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحِبَتْ ثُمَّ وَلَيْسُمْ مُدَبِّرِينَ**

(Surah At-Taubah ayat 25)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah menolong kamu (hai para mukminin) mencapai kemenangan dalam banyak peperangan dan (ingatlah) Peperangan Hunain, iaitu pada waktu kamu merasa bangga kerana jumlah kamu yang banyak, maka jumlah yang banyak itu sedikit pun tidak memberi manfaat kepada mu, dan bumi yang luas itu telah terasa sempit oleh mu, kemudian kamu lari ke belakang dengan bercerai-berai.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sempena tarikh bersejarah 17 Ramadan, Mimbar menyeru para jemaah dan ummah kepada perkara-perkara berikut;

**Pertama:** Mendalami isi kandungan Al-Quran untuk dihayati dan diamalkan; dijadikan panduan asas agar insan tidak tergelincir ketika melaksanakan pelbagai peranan yang dikurniakan oleh Ilahi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh ummah. Mulakan hidup harian dengan membaca walaupun sepotong ayat Al-Quran bersama maksudnya agar mendapat berkat, rahmat, petunjuk dan perlindungan Ilahi.

**Kedua:** Menyelami dan mengamalkan semangat tentera Islam semasa Perang Badar yang kekuatannya terbina atas sifat iman dan takwa.

**Ketiga:** Mengenal pasti dan tidak memberikan kepercayaan kepada golongan munafik yang bersifat gunting dalam lipatan.

**Keempat:** Tidak hilang pedoman ketika diberikan sesuatu jawatan dan tidak hilang tumpuan ketika melaksanakan sesuatu tugas, disebabkan gangguan tarikan kebendaan hingga mengakibatkan kemenangan bertukar kepada ketewasan, seperti yang berlaku dalam Perang Uhud.



**Kelima:** Jangan terlalu cepat bersifat bongkak dan sompong dengan memiliki jumlah yang ramai kerana jumlah yang ramai belum menjamin kemenangan; sesungguhnya kemenangan itu kurniaan daripada Allah SWT kepada hamba-hamba Nya yang memiliki iman dan takwa.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ  
مِثْيٍ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَبِيبًا مُبَارَكًا فِيهِ، مِلْءُ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءُ الْأَرْضِ، وَمِلْءُ مَا بَيْنَهُما وَمِلْءُ  
مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ!  
إِتُّسْعُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>6</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

<sup>5</sup> Memuji Allah  
<sup>6</sup> Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>7</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ يَنْهِمْ وَالْأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّعْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَبِرْوَسِ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمَحَنَّ، وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ  
مِنْهَا وَمَا بَطَنَّ، عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

**Ya Allah,** berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah,** berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

**Ya Allah,** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَتَّا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ  
يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

<sup>7</sup> Doa untuk Kaum Muslimin